

Sebelas Anjakan Utama Transformasi Sistem Pendidikan Negara

Sejak beberapa tahun belakangan ini, Kementerian Pelajaran mendapat input daripada pelbagai pihak berkepentingan, iaitu ahli pendidik, ahli akademik, ibu bapa dan murid tentang keperluan untuk menyampaikan aspirasi sistem pendidikan negara. Berdasarkan input yang banyak diperolehi, wujud kesepakatan yang tinggi tentang beberapa topik seperti kepentingan meningkatkan kualiti guru. Terdapat juga beberapa topik seperti masa hadapan pendidikan bahasa dari perspektif yang berbeza.

Kementerian telah mengkaji semua cadangan dengan teliti dan mengintegrasikannya dalam Pelan Pembangunan Pendidikan berdasarkan empat kriteria utama. Pertama, setiap tindakan yang diambil perlu menyumbang kepada aspirasi sistem dan murid. Sekiranya inisiatif yang dikemukakan menghasilkan kesan yang negatif terhadap inisiatif yang lain atau menghasilkan aspirasi yang baharu, maka inisiatif tersebut tidak akan diberikan keutamaan. Kedua, kementerian menggunakan bukti antarabangsa bagi mengenal pasti dan memberikah keutamaan kepada faktor yang dapat membawa kelainan dalam sistem dan penambahbaikan kepada murid. Ketiga, cadangan perlu relevan dengan keadaan semasa dan mampu dilaksanakan oleh kementerian. Oleh itu inisiatif akan disusun untuk berkembang selaras dengan perkembangan kebolehan

dan keupayaan pegawai kementerian, guru dan pemimpin sekolah. Keempat, faedah pelaksanaan cadangan perlu memberikan pulangan yang lebih besar berbanding dengan kekangan perbelanjaan dan operasi.

Kementerian telah mengenal pasti 11 anjakan yang perlu dilakukan bagi menghasilkan perubahan yang dihasratkan oleh semua rakyat Malaysia. Setiap anjakan perlu memberikan impak kepada sekurang-kurangnya satu daripada lima keberhasilan sistem, seperti akses, kualiti, ekuiti, perpaduan, dan kecekapan. Dimensi kualiti menjadi fokus utama yang merentasi semua anjakan kerana kualiti merupakan dimensi yang penting dan perlu diberikan perhatian yang segera. Sebahagian daripada anjakan ini merupakan perubahan strategi dan hala tuju pendidikan. Anjakan yang lain merupakan perubahan operasi yang sedang dilaksanakan mengikut dasar sedia ada pada peringkat kementerian dan sekolah. Sama ada perubahan bersifat strategi atau operasi, semuanya menggambarkan perubahan amalan semasa.

Anjakan yang dirancang merupakan sesuatu yang dicadangkan oleh pihak berkepentingan dan dapat menanganai permasalahan yang menimbulkan kebimbangan masyarakat awam. Kementerian berharap kesepaduan harapan akan menyediakan satu asas tumpuan yang boleh diterima oleh semua

warganegara Malaysia. Sekesyen seterusnya merumuskan setiap anjakan dan menyediakan contoh perubahan besar menerusi inisiatif yang akan dilancarkan.

- Menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa.
- Memastikan setiap murid mahir dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.
- Melahirkan rakyat Malaysia dengan penghormatan nilai.
- Transformasi keguruan sebagai profesion pilihan.
- Memastikan kepimpinan berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah.
- Mengupayakan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan.
- Memanfaatkan TMK bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia.
- Mentransformasikan kebolehpayaan dan kapasiti penyampaian kementerian.
- Bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas.
- Memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit.
- Meningkatkan ketelusan untuk akauntabiliti awam secara langsung.